

Daripada Kepimpinan Kami



Dua puluh tahun lalu, dunia bergerak dalam rentak yang jauh berbeza. Kita melambai teks di tepi jalan, menaip mesej dengan bilang aksara yang terhad dan bergantung pada berita untuk mengikuti perkembangan harian. Hari ini, komunikasi, perdagangan dan keterhubungan berlaku secara langsung di hujung jari. Urus niaga selesai dengan satu sentuhan pada skrin, keyakinan boleh berubah dengan satu hantaran di media sosial, dan sentimen masyarakat boleh bertukar dalam sekelip mata. Sepanjang dua dekad ini, perubahan berlaku pada kadar yang pantas dan dunia telah diuji dengan hebat. Kita telah menyaksikan, tekanan daripada krisis kewangan global tahun 2008 kepada gangguan teknologi yang berskala besar, sehinggalah pandemik COVID-19. Semua ini menunjukkan bahawa keadaan boleh berubah dengan cepat dan sistem dunia hari ini semakin saling berkait.

Mengambil kira keadaan ini, dan kesedaran bahawa jaring keselamatan kewangan negara perlu diperkukuhkan, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah ditubuhkan pada tahun 2005. Mandat kami adalah untuk melindungi pendeposit serta pemilik polisi, di samping menggalakkan kestabilan sistem kewangan negara. Dua puluh tahun kemudian, sempena tahun ke-20 PIDM, kami bukan sahaja mengimbuai kembali sejauh mana perjalanan ini telah membawa kami, tetapi juga mengiktiraf kekuatan asas yang terus menyokong keyakinan terhadap sistem kewangan kita. Tahun 2025 juga penting bagi kami kerana ia menandakan pengakhiran tempoh Rancangan Korporat 2023 – 2025, yang bertemakan “Merealisasikan Kesediaan”, di mana kami telah memperkukuh keupayaan dalam bidang-bidang utama dan meningkatkan ketangkasan organisasi kami untuk bertindak dengan efektif dalam persekitaran yang semakin dinamik.

Memperkukuh Kesediaan Resolusi dan Memantapkan Koordinasi Krisis

Selaras dengan rancangan korporat ini, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif utama untuk memperkukuh kesediaan resolusi, termasuk usaha mempertingkatkan kebolehsesediaan institusi ahli serta tahap kesediaan penyedia perkhidmatan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2023, Simposium Resolusi Kebangsaan terus menjadi platform penting bagi dialog dan perbincangan tentang resolusi. Pada tahun 2025, kami telah menganjurkan edisi ketiganya, menghimpunkan pemimpin kanan industri, pengawal selia serantau dan pakar antarabangsa untuk memperdalam pemahaman kolektif tentang rangka kerja dan amalan resolusi. Seiring dengan usaha ini, kami turut menganjurkan Muzakarah tahunan buat kali kedua pada tahun 2025. Forum ini menghimpunkan para sarjana Syariah dan pengamal industri bagi membincangkan isu-isu utama resolusi dalam kewangan Islam, seterusnya menyumbang kepada pembangunan berterusan pendekatan resolusi yang berlandaskan Syariah.

Pada tahun 2025, kami telah melaksanakan satu latihan simulasi komprehensif bagi memperkukuh proses membuat keputusan oleh Lembaga Pengarah, mempertingkatkan keupayaan analisis serta mengesahkan koordinasi bersama penyedia perkhidmatan utama bagi memastikan kelancaran operasi sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli. Kami juga terus bekerjasama rapat dengan agensi-agensi berkaitan bagi memperkukuh kesediaan dan kerjasama ketika krisis, termasuk memperincikan dan memuktamadkan *interagency binder* yang menggariskan pengaturan semasa krisis. Selain itu, kami turut memajukan Rangka Kerja Penilaian Kebolehsesediaan (*Resolvability Assessment Framework*) melalui sesi perbincangan kumpulan fokus bersama bank ahli, sebagai persediaan sebelum konsultasi dengan industri ke atas draf pendedahan rangka kerja tersebut yang dijadualkan pada tahun 2026.

Memperkukuh Keyakinan Awam dan Pelibatan Antarabangsa

Pada tahun 2025, tahap kesedaran awam dan tahap advokasi masing-masing meningkat kepada 79% dan 67%, melepasi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian ini mencerminkan keupayaan kami mengekalkan tahap kesedaran awam yang tinggi secara konsisten, yang merupakan asas penting dalam memenuhi mandat kami. Kejayaan ini dicapai melalui penambahbaikan kandungan di media sosial dan platform digital bagi meningkatkan pemahaman orang awam terhadap PIDM, termasuk peranan kami sebagai pihak berkuasa resolusi. Sempena ulang tahun ke-20 PIDM, kami turut melancarkan laman web korporat baharu dengan navigasi yang lebih lancar serta akses maklumat yang lebih mudah. Kami turut meneruskan pelaksanaan inisiatif literasi kewangan melalui program fizikal dan saluran digital bagi memperkukuh pemahaman dan advokasi dalam kalangan masyarakat. Sebagai ahli pengasas Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network – FEN*), kami terus menyokong agenda literasi kewangan negara, termasuk pelancaran Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2026 – 2030, yang menjadi hala tuju seterusnya bagi usaha literasi kewangan yang bersepadu di seluruh negara.

Di samping mengekalkan keyakinan awam, kami juga terus berusaha menerajui dasar resolusi di peringkat global. Ini termasuk peranan kepimpinan kami sebagai Pengerusi Kumpulan Kerja Resolusi di bawah International Association of Deposit Insurers (IADI) dan melalui penyertaan kami dalam Jawatankuasa Kecil Perancangan Resolusi International Forum of Insurance Guarantee Schemes. Pada tahun 2026, sebagai tuan rumah Mesyuarat Tahunan dan Persidangan Antarabangsa IADI Asia Pacific Regional Committee (APRC), kami akan mempertingkatkan lagi perbincangan kolektif mengenai hal ehwal resolusi. Di peringkat serantau, kami telah mempererat kerjasama rentas sempadan bersama rakan penginsurans deposit, meningkatkan kesediaan menghadapi krisis sekali gus mencerminkan komitmen bersama untuk memelihara kestabilan sistem kewangan di rantau ASEAN.

Memperkasa Keupayaan Organisasi, Tadbir Urus Mantap dan Kelestarian

Seiring dengan perkembangan pesat teknologi dalam persekitaran operasi, kami telah mempertingkatkan usaha untuk memodenkan keupayaan teknologi dan analitik kami. Pada tahun 2025, kami melaksanakan beberapa inisiatif penting untuk mengukuhkan infrastruktur teknologi, ketahanan keselamatan siber dan keupayaan analitik data. Usaha ini merangkumi penubuhan Pusat Data Maya PIDM, penambahbaikan aplikasi kolaborasi berasaskan awan serta penilaian dan latihan ketahanan siber.

Dalam zaman kemajuan teknologi, tadbir urus yang mantap kekal menjadi asas yang penting. PIDM mengekalkan standard integriti dan tadbir urus yang tinggi untuk memastikan keyakinan awam terus terpelihara. Pada tahun 2025, kami telah melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi PIDM 2025 – 2029 yang sejajar dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional, sekali gus menegaskan komitmen kami untuk melaksanakan mandat dengan integriti dan akauntabiliti yang tinggi. Bagi memperkukuh budaya kesedaran risiko dalam organisasi, kami telah menganjurkan sesi perbincangan meja bulat bersama pakar keselamatan siber mengenai perkembangan terkini.

Dalam masa yang sama, kami sentiasa peka terhadap komuniti di sekeliling kami serta kepentingan amalan kelestarian. Usaha kelestarian kami mendapat pengiktirafan melalui pencapaian Pensijilan Gangsa GreenRE, yang mencerminkan komitmen kami terhadap amalan bangunan dan operasi yang lestari. Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk menyumbang kepada komuniti, kami telah melaksanakan inisiatif Santuni MADANI, termasuk penganjuran program literasi kewangan untuk belia dan pemberian sokongan akademik kepada pelajar sekolah menengah.

Kami turut meneruskan Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM, dengan penambahan 20 lagi pelajar pada tahun 2025 menjadikan keseluruhan penerima biasiswa kepada 270 pelajar sejak program ini diperkenalkan. Memandangkan keperluan mempunyai tenaga kerja yang kompeten dan budaya kerja yang tangkas, kami telah mempertingkatkan usaha untuk memperkukuh keupayaan organisasi dengan menambah baik rangka kerja kompetensi serta memperluas inisiatif yang mengukuhkan amalan membuat keputusan berasaskan data. Usaha-usaha ini mencerminkan komitmen kami untuk melengkapkan warga PIDM dengan kemahiran, alat dan penetapan minda yang diperlukan bagi mengemudi persekitaran yang semakin dinamik.

Menghargai Sumbangan dan Jasa di Sebalik Setiap Pencapaian

Dalam meraikan pencapaian sepanjang dua dekad ini, kami berbangga dengan hasil yang direalisasikan pada tahun 2025. Namun, pencapaian bukan semata-mata penanda aras perjalanan yang telah dilalui – ia juga menjadi batu loncatan untuk masa hadapan. Sempena ulang tahun ke-20, kami menghargai mereka yang telah membina asas kukuh organisasi ini, yang masih terus menyumbang sehingga kini, serta generasi yang akan membawa legasi ini ke masa hadapan.

Kepada semua warga PIDM, terima kasih atas dedikasi, komitmen dan profesionalisme yang telah anda curahkan selama ini. Sumbangan anda, sama ada secara langsung mahupun di sebalik tabir, amat bermakna dalam membawa PIDM ke tahap yang membanggakan hari ini.

Ada dalam kalangan rakan kerja kita yang telah memulakan perjalanan ini namun kini mereka tidak lagi bersama PIDM, dan suatu hari nanti, akan tiba pula masanya untuk kita menyerahkan tanggungjawab ini kepada generasi baharu. Begitulah cara sebuah legasi diteruskan. Walaupun kita mungkin tidak dapat membayangkan apa yang menanti di hadapan, kita boleh terus berbangga apa yang telah kita bina bersama akan terus kukuh, melindungi dan memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk tahun-tahun mendatang.

Pencapaian ini juga terbentuk hasil kepimpinan dan urus selia yang telah membimbing PIDM sepanjang tempoh ini. Bagi pihak PIDM, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah atas bimbingan yang berterusan. Kami turut merakamkan penghargaan kepada Dato Sri (Dr) Zukri Samat atas kepimpinan dan sumbangan beliau sebagai Pengerusi, dan kami mengharapkan yang terbaik dalam segala urusan beliau di masa depan. Kami juga merakamkan penghargaan kepada Puan Gloria Goh Ewe Gim, mantan ahli Lembaga Pengarah atas khidmat bakti dan sumbangan beliau terhadap pengukuhan tadbir urus organisasi.

Membentuk Masa Hadapan yang Lebih Berdaya Tahan

Sepanjang dua dekad pertama, tumpuan kami adalah kesediaan, bagi memastikan perlindungan, sistem dan rancangan berada pada landasan kukuh. Melangkah ke dekad ketiga, hala tuju kami berpandukan kepada Rancangan Korporat 2026 – 2028 yang bertemakan "Daripada Kesediaan kepada Daya Tahan". Ia mencerminkan komitmen kami bukan sahaja untuk mendepani gangguan, tetapi juga untuk menyesuaikan diri dan melaksanakan mandat kami dalam apa jua keadaan. Kami akan memberi keutamaan kepada pengukuhan kredibiliti resolusi, memperdalam perkongsian strategik, mempercepat keupayaan digital serta memupuk tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan, bagi memastikan PIDM kekal tangkas, adaptif dan berpandangan jauh.

Dua puluh tahun lalu, sukar untuk dibayangkan bahawa hampir semua perkhidmatan termasuk perkhidmatan kewangan boleh diakses sepenuhnya melalui peranti mudah alih. Hari ini, ia adalah perkara biasa. Rentak perubahan pantas ini akan berterusan. Namun, yang perlu kekal teguh ialah kekuatan asas yang selalunya terlepas pandang, iaitu kekuatan yang lahir daripada keteguhan organisasi, disiplin tadbir urus dan komitmen bersama. Seperti pohon yang akarnya kukuh mencengkam bumi, kestabilan kita juga bergantung pada asas yang telah kita bina selama ini, bagi membolehkan kita terus bercambah dan melentur apabila keadaan berubah. Sempena ulang tahun ke-20, kami tetap teguh dengan mandat kami: melindungi pendeposit dan pemilik polisi, serta menyumbang kepada kestabilan dan ketahanan sistem kewangan Malaysia – untuk dua puluh tahun akan datang, dan seterusnya.



Datuk Abu Huraira Abu Yazid



Rafiz Azuan Abdullah